

KUASA BAJA


Diversatech Fertilizer

ADA dekad 1990-an, namanya sering meniti di bibir penggemar drama dan filem. Lakonannya berbekas sehingga dinobatkan sebagai Pelakon Pembantu Terbaik Festival Asia Pasifik Ke-41 di Auckland, New Zealand, menerusi filem *Sayang Salmah*. Setelah lama menyepi daripada dunia lakonan, kini aktor versatil ini muncul semula dan namanya semakin dikenali sebagai "adagat baja" setelah 17 tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan.

Sidi Orazi atau nama sebenarnya Dato' Panglima Syed Osman Syed Rastan, 50 tahun, kini menjawat sebagai Presiden Diversatech Fertilizer Sdn. Bhd. (DFSB), syarikat pengeluar baja kimia dan baja organik milik Bumiputera ini memberikan khabar gembira kepada petani dan peladang untuk meningkatkan hasil tanaman dan membina ketahanan tanaman terhadap serangan penyakit.

"DFSB merupakan syarikat yang membantu usaha mengkomersialkan beberapa hasil penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk manfaat petani peladang. Kami mempunyai pasukan penyelidik yang berdedikasi tinggi. Penyelidik kami berinovasi dan mempunyai pengetahuan luas dalam kajian tanah, pertanian, dan baja serta mampu menghasilkan produk yang memenuhi kehendak industri pertanian. Kini DFSB berupaya menghasilkan 60 000 tan baja setahun dengan pendapatan tahunan mencecah RM120 juta dan mempunyai 124 orang pekerja, termasuk tujuh orang penyelidik," jelas Dato' Panglima Syed Osman ketika ditemui oleh sidang editor *Dewan Ekonomi* di pejabatnya, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Agriculture - General
Pg: 32-37



Dato' Panglima
Syed Osman Syed Rastan
Presiden
Diversatech Fertilizer
Sdn. Bhd. (DFSB)



Langkah terbaik yang perlu diambil oleh petani dan peladang adalah dengan menggunakan baja kimia atau baja organik untuk memastikan tanaman mereka mengeluarkan hasil yang memuaskan.

Penggunaan baja semula jadi semakin mendapat tempat dalam kalangan usahawan tani. Oleh itu, penubuhan DFSB adalah selaras dengan saranan kerajaan supaya menjadikan pertanian sebagai perniagaan. Menurut Dato' Panglima, DFSB banyak mendapat kerjasama dan sokongan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, UPM dan *Malaysian Agriculture and Research Development Institute (MARDI)*.

Katanya, produk teras DFSB, iaitu *Controlled Released Fertilizer (CRF)* dibangunkan dan dihasilkan mengikut piawai antarabangsa untuk memastikan kualiti yang cemerlang dan bermutu tinggi.

Lantaran itu, DFSB memeterai rundingan kerjasama dengan UPM dari aspek kemahiran serta penyelidikan dan pembangunan (P&P) produk bagi menghasilkan baja yang bersesuaian dengan komposisi tanah dan iklim. Penyelidikan ini diketuai oleh abangnya sendiri, iaitu Dr. Syed Omar Syed Rastan. Selain itu, DFSB memeterai dua kontrak penyelidikan dengan MARDI bagi menilai tahap kecekapan baja terhadap pengeluaran dan kualiti beras. Penyelidikan ini dilaksanakan menerusi program subsidi kerajaan berjumlah RM100 juta.

"Kami merupakan perintis dalam pengeluaran CRF dan *Micro-Nutrient Fertilizer (MNF)* yang terhasil daripada penggunaan bahan yang terbaik serta penggunaan teknologi terkini, CRF kami adalah yang terbaik di dunia dengan penggunaan kejuruteraan teknologi bunyi yang terkini dan inovasi praktis yang berterusan.

"Syarikat kami terhasil daripada Pembangunan dan Penyelidikan (P&P) yang terbaik. Kami mampu menghasilkan produk baja yang berkualiti tinggi dan menawarkan khidmat perunding dalam mencari

kombinasi penggunaan baja yang terbaik bagi meningkatkan pengeluaran pertanian.

"DFSB terdiri daripada saintis yang berdedikasi serta komited dengan pandangan dan pendekatan inovatif. Seorang daripada mereka dianugerahi Anugerah Akademik Negara 2007 Malaysia," jelas Dato' Panglima Syed Osman.

Seperti manusia yang memerlukan makanan tambahan termasuk vitamin untuk sihat, tanaman juga memerlukan 17 unsur nutrien supaya dapat hidup subur dan mengeluarkan hasil yang berpanjangan. Ada tanah yang mempunyai semua unsur yang diperlukan tanaman, tetapi tidak semua unsur boleh dikeluarkan dan dimanfaatkan pokok tanaman.

Dengan hal yang demikian, langkah terbaik yang perlu diambil oleh petani dan peladang adalah dengan menggunakan baja kimia atau baja organik untuk memastikan tanaman mereka mengeluarkan hasil yang memuaskan.

Industri sawit merupakan komoditi utama negara dan amat menguntungkan pengusaha atau peladang. Menjelang tahun 2020, nilai industri sawit bakal mencecah RM178 bilion - pendapatan yang besar buat negara membangun seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, tanaman komoditi tersebut sering diserang penyakit, seperti reput pangkal batang, yang berpunca daripada serangan kulat *Ganoderma boninense*.

Menurut Dato' Panglima Syed Osman, lantaran suasana ekonomi yang tidak menentu, para petani dan peladang lebih berhati-hati bagi menjaga hasil tanaman mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah pembajakan yang tidak cekap dan serangan



Jadual 1 Produk Keluaran Diversatech Fertilizer Sdn. Bhd.

BIL	PRODUK	MANFAAT
1.	Baja NPK	Baja NPK terdiri daripada nitrogen, fosforus dan kalium. Nitrogen menggalakkan pembangunan daun, fosforus membantu pertumbuhan akar, memekar tanaman dan penggalak tanaman untuk berbuah, manakala kalium memainkan peranan dalam pertumbuhan akar.
2.	AJIB Controlled Release Fertilizer (AJIB CRF)	Menjimatkan masa, kos, dan tenaga pekerja kerana pengurangan kekerapan aplikasi baja daripada kaedah konvensional 6-8 pusingan setahun kepada dua pusingan setahun.
3.	AJIB Slow Released Fertilizer (AJIB SRF)	SRF ialah baja yang baru dilancarkan di Malaysia yang mempunyai kandungan makro dan mikro yang tinggi. AJIB SRF dirumuskan khas untuk industri penanaman kelapa sawit bagi meningkatkan pengeluaran dan meningkatkan daya tahan terhadap penyakit dan jangkitan kulat. Hasil penyelidikan DFSB selama enam tahun bersama RISDA di estet Palong telah menunjukkan bahawa rumusan AJIB SRF mampu mengurangkan penggunaan baja sebanyak 20-30 peratus dan meningkatkan tahap pengeluaran sebanyak 25 peratus.
4.	AJIB NPK Granular	Baja ini telah dirumuskan untuk memenuhi keperluan bagi kelapa sawit dan pohon buah-buahan. Semua mikronutrien adalah penting untuk fungsi-fungsi metabolik yang akhirnya menentukan hasil tanaman.
5.	ZAPPA	ZAPPA atau "Zap Padi Angin" dirumuskan khas sebagai rawatan benih padi untuk meningkatkan percambahan benih. ZAPPA menggalakkan kecergasan anak padi dan bertindak sebagai perisai terhadap serangan penyakit.
6.	VITA GROW	VITA-GROW ialah baja foliar yang mengandungi nutrien tumbuhan yang lengkap dan seimbang. Penggunaan VITA-GROW pada dedaun memberikan penyerapan yang cepat.
7.	ROBUST	ROBUST ialah baja foliar berkalsium tinggi yang dirumuskan khas untuk benih padi berkualiti dan pokok buah-buahan. Baja ini berfungsi meningkatkan kekebalan pokok secara semula jadi.

Sumber: DFSB

penyakit *Ganoderma* pada pokok kelapa sawit akan menelan kos yang banyak.

"Oleh hal yang demikian, kami telah melancarkan produk terbaharu, iaitu AJIB 99 bagi meningkatkan hasil sawit serta mampu melawan penyakit *Ganoderma*," tegas beliau lagi.


Bagi padi pula, masalah dalam penanaman padi tidak semestinya berpunca daripada faktor luaran seperti makhluk perosak atau kesuburan. Bagi kebanyakan penanam padi di negara ini, kehadiran padi angin merupakan musuh nombor satu kepada mereka. Walau bagaimanapun, penanam padi kini sudah boleh menarik nafas lega selepas usaha berterusan UPM dan MARDI berjaya menemukan kaedah untuk mengurangkan populasi padi angin di sawah.

Menurut Dato' Panglima Syed Osman, produk ZAPPA yang dikeluarkan oleh DFSB berupaya meningkatkan percambahan benih padi dan mengawal pertumbuhan padi angin yang boleh mengganggu tumbesaran padi.

"ZAPPA merupakan cecair kimia hasil gabungan nama 'ZAP' (bermaksud hapuskan) dan 'PA' (bermaksud padi angin) yang berupaya membekalkan oksigen kepada benih padi. Oleh itu, benih padi yang telah direndam dengan larutan ZAPPA sahaja akan hidup di dalam air, manakala padi angin dan segala jenis rumput akan 'lemas'," tegas beliau lagi.

Selain AJIB 99 untuk kelapa sawit dan ZAPPA untuk padi, terdapat beberapa produk lagi seperti Vita-Grow, iaitu sejenis baja foliar (baja daun) yang

Dato' Panglima Syed Osman menyatakan bahawa al-Quran dan sunah nabi telah menganjurkan nilai-nilai mulia mencakupi amanah, hormat-menghormati bekerjasama dan menerapkan budaya bekerja sebagai ibad



membantu untuk meningkatkan pengeluaran padi sehingga 10 tan metrik bagi setiap hektar. Demikian juga dengan produk JITU (baja bioorganik) dan AJIB (baja mikronutrien) yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran tanaman tembikai sehingga 10 tan metrik bagi tanah seluas 0.4 hektar.

"Produk keluaran DFSB juga amat sesuai untuk tanaman buah-buahan, seperti buah naga, durian, jambu batu, nangka, mangga, betik dan belimbing," katanya.

Bercerita tentang modal insan dan budaya bekerja di DFSB, Dato' Panglima Syed Osman menyatakan bahawa al-Quran dan sunah nabi telah menganjurkan nilai-nilai mulia mencakupi amanah, hormat-menghormati, bekerjasama, dan menerapkan budaya bekerja sebagai ibadah.

"Kami sentiasa terbuka dalam penambahbaikan sistem operasi syarikat. DFSB sentiasa menghantar staf untuk mengikuti kursus dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran. Malahan syarikat menghantar mereka sehingga ke Eropah untuk menjalani latihan yang sesuai dengan bidang tugas masing-masing. Tambahan

pula, produk kami seperti AJIB 99 dan AJIB CRF telah menembusi pasaran antarabangsa.

"Saya bersyukur kerana mempunyai pasukan kerja yang rajin, tekun, dan setia dengan syarikat sejak mula ditubuhkan," katanya.

Dalam suasana ekonomi dunia yang semakin mencengkam, DFSB merangka beberapa strategi supaya prestasi syarikat kekal stabil dan menguntungkan DFSB. Oleh sebab itu, DFSB menyusun semula sasaran pemasaran, di samping memastikan sesuatu produk yang dikeluarkan benar-benar berkesan dan menepati kehendak pasaran. Tambah beliau, produk DFSB hanya akan dipasarkan setelah melepasi piawaian penyelidikan tertinggi. Selain itu, penyelidik DFSB sentiasa bertemu dengan para petani untuk mengetahui kehendak dan masalah mereka berkaitan menguruskan tanaman.

"Pekerja merupakan aset dan sebahagian daripada keluarga kami. Selama 17 tahun DFSB beroperasi, belum pernah lagi langkah pemberhentian pekerja diambil walaupun ekonomi global semakin menguncup dan kos pengurusan semakin meningkat. Sebaliknya pengurusan tertinggi syarikat mengambil langkah mengurangkan kos tetap, menambah baik operasi supaya lebih efisien dan mengambil inisiatif dengan menyimpan sejumlah dana yang mampu menampung keperluan pekerja selama 24 bulan walaupun dalam tempoh tersebut tidak ada apa-apa pengeluaran," jelas beliau.

Malah katanya, produk keluaran DFSB turut memenangi beberapa anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Baru-baru ini saya telah dipilih untuk memenangi Anugerah Keusahawanan Bio Terbaik 2015 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)," tambah beliau.

Sememangnya, apa-apa perniagaan pun akan menghadapi pelbagai cabaran, sama ada dari dalam mahupun luaran. Ada kalanya kemelesetan ekonomi akan membuka peluang dan pasaran baharu. Menurut Dato' Panglima Syed Osman, DFSB telah menduga kemelut ekonomi akan berlaku. Oleh sebab itu, DFSB menambahbaikkan perkhidmatan mutu jualan produk, menawarkan harga yang berpatutan dan meneroka pasaran di Kemboja.

"Produk yang menjadi teras utama DFSB ialah AJIB CRF, AJIB SRF, dan AJIB NPK. Produk ini dapat menjimatkan kos dan meningkatkan hasil tanaman serta mengurangkan risiko tanaman diserang penyakit," jelas beliau.

Selain itu, DFSB giat melakukan kerja-kerja amal seperti membantu golongan masyarakat yang tidak bernasib baik dan kurang upaya agar mereka

dapat meneruskan kehidupan dengan lebih selesa. Pihak DFSB memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta untuk aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan supaya nasib anak-anak yatim, ibu tunggal, dan golongan fakir miskin terbelas.

Mengakhiri perbualan, Dato' Panglima menyarankan kepada usahawan baharu agar menguasai ilmu perniagaan terlebih dahulu dan jangan mudah putus asa.

"Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, kita perlu bersedia dengan segala kepayahan, sentiasa beringat sewaktu senang, fokus, dan konsisten dalam tugas. Lebih penting lagi, jangan berhenti belajar dan sentiasa bersyukur dengan pemberian Allah SWT," tegasnya.

Kewujudan DFSB dan kerjasama dengan UPM dan MARDI berjaya memperkenalkan produk yang sejajar dengan iltizam kerajaan untuk mentransformasikan teknologi pertanian dalam kalangan para petani. Matlamat DFSB untuk menjadi salah satu pembekal nutrien yang berteknologi tinggi di dunia untuk tanaman tropika serta mengurangkan krisis makanan global akan berjaya dengan sokongan semua pihak. **de**



Jadual 2 Senarai anugerah yang dimenangi DFSB.

ANUGERAH YANG DIMENANGI DFSB

Invention and Competition Award, 2011 (MOSTI)

Gold Medal for Invention and Research Exhibition Awards, 2002 (UPM)

Invention and Innovation Award, 2002 (MOSTI)

Silver Medal from the 32nd International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products at Geneva, 2004

Pensijilan Status SO 9001:2008, 2011

Pensijilan SNI (Standard National of Indonesia), 2012

Pekerja merupakan aset dan sebahagian daripada keluarga kami. Selama 17 tahun DFSB beroperasi, belum pernah lagi langkah pemberhentian pekerja diambil walaupun ekonomi global semakin menguncup dan kos pengurusan semakin meningkat.